



SIARAN AKHBAR

SYARIKAT MALAYSIA METERAI MOU BERNILAI RM100 JUTA

Dubai, 14 Februari 2022 - Expo 2020 Dubai hari ini menyaksikan tiga MOU bernilai lebih RM100 juta ditandatangani di antara tiga syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dengan tiga rakan niaga yang berpotensi dari UAE. Tiga syarikat ini merupakan sebahagian daripada 17 syarikat permulaan (*startup*) dan PKS Malaysia berprestasi tinggi yang menyertai delegasi Malaysia ke Expo 2020 Dubai – Minggu PKS Malaysia.

Syarikat-syarikat tersebut ialah:

- i. Propeasy Sdn. Bhd dan Mahaley Marketing;
- ii. Fario Holdings Sdn Bhd dan Miko Koffie NV of Belgium; dan
- iii. Govicle Sdn Bhd dan Six Day Company LLC.

Minggu PKS Malaysia di Ekspo diketuai oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) menerusi agensi pelaksana iaitu SME Corp yang memfokuskan kepada syarikat permulaan dan PKS di dalam memacu pembangunan ekonomi negara melalui syarikat berteraskan inovasi. Turut serta dalam delegasi ini ialah SME Bank Berhad dan Perbadanan Nasional Berhad (Pernas).

YBhg. Dato' Suriani Binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang tersebut menyatakan penglibatan MEDAC di Expo 2020 Dubai merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan Malaysia dalam membangkitkan semula peranan syarikat permulaan dan PKS sebagai enjin pertumbuhan ekonomi negara melalui sokongan dan kerjasama dengan pelabur dan

rakan perniagaan berpotensi. Ini akan membantu di dalam mempertingkatkan ekosistem permulaan bagi memenuhi keperluan industri global.

Dalam hubungan ini, 17 syarikat permulaan dan PKS berprestasi tinggi dari Malaysia telah terpilih untuk diperkenalkan kepada rakan perniagaan global yang berpotensi di Pavilion Malaysia Expo 2020 Dubai, UAE. Fokus industri yang diketengahkan melalui syarikat permulaan dan PKS pada kali ini adalah Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dan Inovasi; Perubatan dan Kesihatan; dan Perkhidmatan berkaitan Dron.

Selain itu, syarikat yang menyertai Ekspo ini akan terlibat secara langsung di dalam aktiviti yang dianjurkan di Pavilion Malaysia seperti sesi pepadanan perniagaan, sesi pengenalan produk dan perkhidmatan serta *pitching* perniagaan kepada pelabur berpotensi. Syarikat-syarikat tersebut telah dibimbing oleh SME Corp. Malaysia serta beberapa agensi MEDAC lain. Mereka ini juga terpilih kerana telah bersedia untuk mencapai standard antarabangsa bagi perkhidmatan ataupun barangan yang dipasarkan.

Sementara itu, dalam usaha merencanakan sinergi penglibatan MEDAC bersempena Expo 2020 Dubai, dua program tambahan turut dilaksanakan serentak iaitu *Export Acceleration Mission* dan *Business Export Program 2.0* oleh SME Bank yang melibatkan 11 syarikat PKS Bumiputera dan *Franchise Engagement Programme* oleh Pernas.

Majlis pelancaran Minggu PKS Malaysia ini turut sama diserikan dengan kehadiran YBhg. Dato' Mohd Tarid Sufian, Duta Malaysia ke UAE, Tuan Mohd Hasril Abdul Hamid, Konsulat Jeneral Malaysia di Dubai, YBrs. Encik Rizal Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia, YBrs. En. Mohd Hilaluddin Abd Shukor, Ketua Pegawai Eksekutif Pernas, YBhg. Datuk Dr. Mohammad Hardee Ibrahim, Ketua Strategi Korporat SME Bank, pegawai-pegawai kementerian dan agensi serta ahli perniagaan dari Malaysia dan luar negara.

-TAMAT-

Mengenai SME Corp

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penyelaras program pembangunan PKS, penilaian ekonomi serta pengakreditasi PKS, pembangunan perniagaan dan program sokongan, dan juga fasilitasi akses PKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA

(SME CORP. MALAYSIA)

Tingkat 6, Blok B, Platinum Sentral

Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur

Tel : 1300-30-6000

Faks : 603-2775 6001

E-mail : info@smecorp.gov.my

Laman web : www.smecorp.gov.my

Pengarah

Bahagian Komunikasi Strategik

(U.P.: Pn. Raja Rozaila bt Raja Azman)

Tel : 03-27756203 atau 016-3322121

Email : rozaila@smecorp.gov.my